

Tiga kriteria mewujudkan universiti cemerlang

Oleh MOHD. TAJUDDIN ABDULLAH

UNTUK menjadi universiti terbilang di persada dunia ia perlu memenuhi tiga kriteria utama kecemerlangan; pertamanya ialah pelajar yang cemerlang, keduanya pensyarah yang cemerlang dan akhirnya persekitaran pengajaran-pembelajaran yang cemerlang.

Saban tahun beribu-ribu lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang mendapat semua A. Wajar dibanggakan terhadap kejayaan anak-anak Malaysia yang kini lebih pandai daripada dahulu. Kuantiti tinggi tidak menjamin kualiti pelajar yang baik.

Kira-kira 30 tahun dahulu, ada pelajar yang mendapat gred dua dalam Malaysian Certificate of Education (setara dengan SPM sekarang) dihantar keluar negara untuk pengajian dalam pelbagai bidang dan mereka telah berjaya mempeoleh ijazah dengan baik.

Kini pelajar SPM yang masuk dalam program matrikulasi Kementerian Pelajaran disalurkan ke universiti dengan purata nilai gred kumulatif (PNGK) kurang daripada 3 hingga 2.5 mata tidak dapat menguasai teori dan konsep dalam kuliah dan rata-rata gagal untuk mendapat senarai dekan.

Mereka ini telah biasa diasuh di zaman persekolahan mereka dengan idea 'telan dan muntah' (atau hafal dan keluarkan semasa peperiksaan) tanpa mengetahui dan menghayati asas teori, konsep dan aplikasinya. Mereka yang dibawah PNGK 2.5 pula sering gagal dalam pelbagai bidang sains terutamanya yang berunsurkan kuantitatif, matematik atau statistik.

Tetapi berlainan pula dengan pelajar-pelajar yang berpendidikan STPM yang rata-ratanya lebih matang dan mempunyai daya pemikiran lebih tinggi berbanding dengan pelajar lulusan SPM-matrikulasi.

Lulusan STPM dengan PNGK 3 mata hingga 2.5 mata boleh menguasai konsep biologi dengan baik dan ada yang mendapat senarai dekan (PNGK 3.5) di universiti.

Dengan kualiti rendah ramai pelajar yang ada sekarang maka agak sukar untuk menjadi sebuah universiti terbilang di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Masalah universiti-universiti seperti Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) bertambah kerana lokasi geografi yang menjadi faktor penolak.

Pengajian di peringkat sekolah perlu diperkuatkan lagi dengan mewujudkan budaya pembelajaran untuk menyoal, berbincang dan berfikir bagi meningkatkan kematangan seperti lulusan STPM.

Untuk berlaku adil dalam persaingan di kalangan IPTA pula, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) perlulah melakukan intervensi positif dengan memilih atau mengagihkan pelajar PNGK 4 hingga 3.5 mata untuk menjalankan pengajian di Unimas atau universiti kecil dan muda yang sangat jauh daripada



UNIMAS juga mahu cemerlang.

pandangan dan tarikan kosmopolitan Kuala Lumpur atau Lembah Kelang. Kehadiran masyarakat pelajar yang baik dapat mengukuhkan program pengajian universiti tersebut dalam bidang akademik dan penyelidikan.

Pelajar yang cemerlang perlulah dibimbing dan diasuh oleh tenaga pengajar dan penyelidik yang cemerlang atau telah mencapai kelulusan tertinggi dalam bidang pengkhususan tertentu. Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) perlu disarankan mencapai sekurang-kurangnya 95 peratus tenaga pengajar dan penyelidik berkelulusan doktor falsafah (Ph.D). Yang selebihnya dibenarkan dengan kelulusan sarjana sains (MSc) jika mereka telah mendapat pengiktirafan peringkat kebangsaan, serantau atau antarabangsa.

Ada kalangan universiti yang menetapkan syarat kecemerlangan itu juga berkaitan penerbitan dinilai pakar sebidang daripada jurnal luar negara atau antarabangsa.

Bagaimanapun, ada jurnal tempatan yang dirujuk oleh penyelidik yang menjalankan penyelidikan yang sama. Sebenarnya, ahli akademik perlulah menjalankan penyelidikan dan ilmu yang telah dijanakan itu dapat diterbitkan dalam jurnal sains tempatan atau luar negara. Ilmu itu dapat digunakan semasa kuliah atau dapat pula menjanakan hipotesis bagi penyelidikan pelajar peringkat sarjana dan Ph.D.

Pendidik di universiti yang bergantung 100 peratus dengan buku di pasaran sama keadaannya dengan guru di peringkat sekolah menengah sahaja dan sampai bila pun kita tidak akan menjadi universiti yang cemerlang. Pendidik di universiti yang menjalankan penyelidikan bersama pelajar sarjana akan dapat mengangkat martabat universiti di peringkat lebih tinggi.

Pendidik universiti bersama pelajar sarjananya

Sering kali penambahan pelajar adalah tidak setara dengan peruntukan kewangan yang ada dan kemudahan tidak dapat menampung pertumbuhan populasi pelajar

yang menerbitkan hasil penyelidikan mereka akan dilihat oleh ahli akademik yang lain di mana-mana mereka berada. *Publish or perish* (terbit atau hancur) adalah kata-kata keramat dunia akademik untuk mencapai kecemerlangan.

Akhirnya persekitaran pengajaran-pembelajaran yang cemerlang dapat menjadikan sesebuah universiti yang terbilang. Persekitaran yang baik itu juga merangkumi peruntukan kewangan yang tinggi untuk meningkatkan keupayaan menyediakan peralatan dan kemudahan terkini untuk pengajaran serta penyelidikan; perpustakaan yang membariskan penerbitan terkini dan semua jurnal dan dalam semua bidang pengajian yang ditawarkan universiti; kemampuan kemudahan menampung pelajar yang kian bertambah serta nisbah pengajar-pelajar yang rendah.

Keadaan yang berlaku di IPTA kadangkala tidak sejajar dengan keperluan tersebut. Contohnya nisbah yang baik bagi pengajar-pelajar perubatan perlulah 1:10 dan sains 1:12 sahaja. Sering kali penambahan pelajar adalah tidak setara dengan peruntukan kewangan yang ada dan kemudahan tidak dapat menampung pertumbuhan populasi pelajar.

Contohnya, jika satu mikroskop adalah untuk satu pelajar dan dengan penambahan pelajar tanpa tambahan kewangan, maka pelajar terpaksa berkongsi peralatan. Keadaan ini telah menjejaskan kualiti pengajaran-pembelajaran universiti.

Ironinya pula, ada pegawai KPT yang mengatakan bahawa pentadbir universiti perlulah meyakinkan mereka untuk mendapatkan peruntukan tambahan tersebut! Realitinya ialah jika universiti diarahkan KPT menambah jumlah pelajar pergigian sebagai contoh, maka kerajaan perlu juga menghantar tambahan pensyarah atau pakar gigi dan kerusi khas pergigian untuk amali pelajar yang bertambah itu. Kita tidak dapat meningkatkan kecemerlangan akademik dalam suasana pengajaran-pembelajaran yang sudah terlarut itu.

□ **PROFESOR MADYA DR. MOHD. TAJUDDIN ABDULLAH** ialah Ketua Program Sains dan Pengurusan Haiwan, Fakulti Sains dan Teknologi Sumber Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).